

**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN 10/2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN YANG
MENGAWAL LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
SEBERANG LAUT (LDPSL)**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal latihan dalam perkhidmatan seberang laut (LDPSL) adalah seperti berikut :

1. PENDAHULUAN

1.1 Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) didalam Surat Keliling ini ialah ***Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh*** sahaja bagi:

- (a) Kelulusan-kelulusan *formal* di peringkat sijil, diploma, ijazah pertama, sarjana, Ph.D., kelulusan kepakaran, ikhtisas atau professional dan pengurusan.
- (b) Penempatan, *secondment*(*berbentuk latihan*), latihan industri, kursus jangka pendek dan kursus latihan sebagaimana dikehendaki dalam Skim Perkhidmatan.
- (c) Kajian pendek akademik, latihan kemaskini pengetahuan atau penempatan akademik kesemuanya di bawah cuti sabatikal (Peraturan Cuti Sabatikal Universiti Brunei Darussalam 2004 adalah dikecualikan daripada peraturan ini) bagi pegawai-pegawai kanan.

1.2 Pegawai-pegawai Kerajaan termasuk kakitangan-kakitangan dalam semua Bahagian di bawah Skim LDPSL ini adalah tertakluk kepada ***Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (General Orders) dan lain-lain peraturan*** yang dikuat-kuasakan. 



- 1.3 Bagi tujuan Skim LDPSL ini, perkataan *Kerajaan* dimaksudkan *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*.
- 1.4 Skim ini dihulurkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan Sebulan ke Sebulan *tanpa mengenakan tempoh minima perkhidmatan*.
- 1.5 LDPSL adalah diasaskan kepada keperluan untuk menimba pengetahuan dan kemahiran bertaraf tinggi dan antarabangsa dari institusi-institusi pengajian 'par excellence' di dalam bidang-bidang strategik mengikut perancangan dan keperluan pembangunan melalui pegawai-pegawai yang terbaik. Bidang-bidang strategik ini *tidak mengecualikan kursus-kursus yang sudah ada diajarkan di dalam Negara*.
- 1.6 Penilaian bagi pemberian Skim ini *mengutamakan* kepada pegawai terbaik di dalam bidang masing-masing yang mempunyai potensi tinggi dan merit untuk dapat mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang bagi memenuhi objektif utama Skim iaitu peningkatan tahap kemahiran, pengetahuan dan profesionalisma di dalam Perkhidmatan Awam. Dalam konteks ini, Skim tidak terikat secara langsung dan serta-merta dengan pemberian jawatan/tanggagaji yang lebih tinggi kepada pegawai yang berjaya di dalam LDPSL.

Kriteria-kriteria am bagi pegawai terbaik *sebagai panduan sahaja* adalah seperti di dalam *Lampiran I*.

2. PERTIMBANGAN SKIM LDPSL

- 2.1 Sokongan skim latihan ini mestilah berkaitan secara langsung dengan perancangan Sumber Tenaga Manusia (HRD) Kementerian/Jabatan masing-masing. Oleh itu sokongan bagi latihan pada pokoknya berdasarkan perancangan sistematik Kementerian/Jabatan yang mengenalpasti bidang dan pegawai untuk tujuan ini. Pegawai yang dipilih dan disokong merupakan pegawai terbaik dan berkelayakan di dalam bidangnya. Kebenaran bagi Skim ini boleh di dalam dua bentuk iaitu di atas sokongan atau tawaran kepada pegawai. ↙ .




- 2.2 Penilaian akan dibuat keatas semua sokongan atau keperluan secara keseluruhan dan pertimbangan dibuat mengikut merit sokongan atau keperluan Kementerian/Jabatan yang tidak semestinya terikat kepada mana-mana kuota yang ditetapkan bagi Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 2.3 Penilaian calon yang disokong atau untuk diberikan tawaran, jika diperlukan, akan dibuat melalui sistem ujian atau/dan temuduga.
- 2.4 Bidang kursus/latihan dikendalikan oleh institusi pengajian yang terkemuka di luar negeri.

Sebagai panduan sahaja dilampirkan (*Lampiran II*) kedudukan 'ranking' universiti terkemuka di United Kingdom, Australia, Canada, Amerika Syarikat dan dunia bagi 2005/2006. Perlu dimaklumi kedudukan ini mengikut kriteria tertentu dan penyertaan universiti tertentu didalam penilaian 'ranking' dan ianya sentiasa dinamik.

UMUR

- 2.5 Skim memberikan *keutamaan* kepada calon-calon berumur di dalam *lingkungan* 40 tahun ke bawah (perkataan 'lingkungan' memungkin pertimbangan keatas pegawai yang baru melimpasi umur 40 tahun).
- 2.6 Pegawai berumur di dalam *lingkungan* 35 tahun ke bawah yang mempunyai kelulusan *penuh akademik* peringkat 'A' atau sebanding yang cemerlang di dalam subjek-subjek strategik akan diberi pertimbangan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi termasuk diploma atau ijazah pertama di bawah Skim ini.
- 2.7 Latihan jangka pendek dibukakan kepada calon-calon berumur hingga 53 tahun.
- 2.8 Tempoh ikat janji (*bond*) dengan Kerajaan adalah seperti di *Lampiran III*.

ξ .



TEMPOH KURSUS

- 2.9 Tempoh maksima secara am ialah sehingga empat tahun akademik atau kalender tertakluk kepada kedudukan dan keperluan rasmi kursus yang diikuti.

Tempoh secara khusus yang mungkin melebihi tempoh am 4 tahun ini boleh dipertimbangkan jika ianya merupakan keperluan sebenar latihan, pada misalnya, di dalam melatih pakar-pakar perubatan dan seumpamanya.

Bagi kepentingan yang sama pegawai-pegawai LDPSL yang menjalani latihan bagi ijazah Ph.D diperlukan untuk menyatakan tarikh rasmi pusat pengajian masing-masing mengesahkan penerimaan topik bagi thesis Ph.D berkenaan.

AM

- 2.10 Oleh kerana skim ini diluluskan atau ditawarkan kepada pegawai berasaskan kehendak perancangan dan keperluan Kementerian/Jabatan, maka pegawai yang berkursus adalah layak dan dibolehkan untuk memohon dan dipertimbangkan sama dengan pegawai-pegawai lain bagi sokongan kenaikan pangkat semasa berkursus.

Jika pegawai berkenaan disokong dan terpilih untuk dinaikkan pangkat, kenaikannya tertakluk seperti berikut:

- (a) Kenaikannya pada tarikh sokongan diluluskan jika ia menamatkan kursusnya mengikut tempoh asal yang dibenarkan dalam mana bayaran gajinya bagi kenaikan ini dibayar secara kebelakangan.
- (b) Kenaikannya ditangguhkan kepada tarikh ia menamatkan kursus jika ia tidak dapat menamatkannya di dalam tempoh asal yang dibenarkan dengan syarat tempoh tambahan yang dibenarkan tersebut tidak melebihi enam (6) bulan.

3. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

- 3.1 Pegawai yang menjalani Skim Latihan ini akan dihulurkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

٤.



3.1.1 Gaji penuh di sepanjang tempoh menjalani kursus. Bonus akan dibayar setiap genap tempoh biasa tertakluk kepada laporan kemajuan pengajian.

3.1.2 Elaun Sara Hidup


- (a) B\$60.00 sehari bagi semua pegawai di bawah negara-negara Kumpulan A (*Seperti di Lampiran IV*);
- (b) B\$50.00 sehari bagi semua pegawai di bawah negara-negara Kumpulan B (*Seperti di Lampiran IV*);
- (c) B\$40.00 sehari bagi semua pegawai di bawah negara-negara Kumpulan C (*Seperti di Lampiran IV*).

Bagi negara-negara yang 'cost of living' nya tidak mematuhi asas-asas yang ditetapkan bagi A, B atau C akan disediakan perkiraan bersesuaian mengikut keperluan. Jika terdapat bandaraya di dalam sesebuah Negara yang mempunyai taraf kehidupan jauh lebih tinggi dari taraf keseluruhan Negara tersebut, pertimbangan bersesuaian akan dibuat. Begitu juga dengan elaun tempat tinggal dan elaun perjalanan.

Kadar elaun sara hidup untuk dikaji setiap 3 tahun.

3.1.3 Elaun Tempat Tinggal (tidak termasuk bayaran makan dan minum)

- (a) B\$165.00 semalam bagi semua pegawai di bawah negara-negara Kumpulan A;
- (b) B\$130.00 semalam bagi semua pegawai di bawah negara-negara Kumpulan B;
- (c) B\$105.00 semalam bagi semua pegawai di bawah negara-negara Kumpulan C.



Peringatan:

- (a) Semua kadar bayaran di bawah 3.1.3 ini tidak termasuk bayaran 'government tax' dan 'service charge' yang akan ditanggung oleh Kerajaan.
- (b) Pegawai tidak dibenarkan menginap di hotel atau di tempat lain jika tempat penginapan sudah disediakan terlebih dahulu oleh pihak Kerajaan atau penganjur kursus.

Kadar elaun tempat tinggal untuk dikaji setiap 5 tahun

3.1.4 Elaun Buku

Dihulurkan sekali setiap tahun di awal tahun akademik bagi pembelian buku-buku rujukan pengajian.


- (a) Bagi kursus peringkat HND dan keatas (atau yang sebanding), tuntutan boleh dibuat sehingga B\$1,000.00 setahun.
- (b) Bagi kursus di bawah HND, tuntutan boleh dibuat sehingga B\$700.00 setahun.
- (c) Bagi mana-mana kursus yang kurang dari 1 tahun akademik tuntutan dibuat sehingga B\$300.00.

3.1.5 Elaun Perjalanan

Diberikan setiap bulan untuk menampung perbelanjaan perjalanan tanpa mengira jauh tempat tinggal dari institusi pengajian:

- (a) B\$100.00 sebulan bagi negara-negara di bawah Kumpulan A
- (b) B\$80.00 sebulan bagi negara-negara di bawah Kumpulan B
- (c) B\$50.00 sebulan bagi negara-negara di bawah Kumpulan C

Kadar elaun perjalanan untuk dikaji setiap 5 tahun ﷲ



3.1.6 Elaun Pakaian

- (a) Diberikan sebanyak B\$500.00 sekali dalam tiga (3) tahun bagi kursus di negara-negara bermusim sejuk. Walau bagaimanapun, elaun sama tidak dihulurkan bagi kursus pendek yang berjalan bukan di dalam musim sejuk.
- (b) Pegawai yang telah diberi Elaun Pakaian dibawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 25/1994 hanya akan layak dibayar elaun pakaian selepas tiga (3) tahun dari tarikh pemberian.

3.1.7 Elaun Bantuan Projek Pembelajaran

- (a) B\$800.00 diberikan sekali bagi satu pengajian ijazah atau professional bagi tempoh kursus 1 tahun akademik keatas untuk menampung perbelanjaan penyediaan projek, dissertation atau thesis.
- (b) B\$200.00 diberikan sekali bagi satu kursus pendek yang kurang dari satu (1) tahun akademik.


3.1.8 Perbelanjaan Akademik

- (a) Yuran utama kursus berasaskan tuntutan rasmi institusi pengajian;
- (b) Yuran kursus tambahan/program rasmi termasuk 'field trip' yang berkenaan berasaskan tuntutan.

Kesemua pembayaran ini adalah terus dibuat kepada institusi yang mengendalikan kursus/program.

3.1.9 Perbelanjaan Rawatan Perubatan


- (a) Perbelanjaan bagi rawatan perubatan pegawai, termasuk bersalin, pergigian (tidak termasuk 'braces', 'scaling', gigi palsu, 'bridges', 'porcelain gold' atau 'crown') dan kecemasan yang diperakukan oleh pusat kesihatan yang diakui;



- (b) Perbelanjaan bagi insuran perubatan pegawai jika berkenaan melalui tuntutan yang disahkan.

3.1.10 Tambang Pelayaran

- (a) Tambang perjalanan pergi/balik Kelas Perdagangan bagi pegawai di dalam tanggagaji Superscale 'C' keatas;
- (b) Tambang perjalanan pergi/balik kadar tiket termurah bagi pegawai lain;
- (c) Tambang perjalanan pergi/balik kadar tiket termurah masing-masing bagi pegawai, isteri/suami dan sehingga empat (4) orang anak berumur di bawah 18 tahun jika kursus yang diikuti tidak kurang dari tiga (3) tahun akademik;
- (d) Tambang perjalanan pergi/balik sekali dalam dua (2) tahun kerana bercuti pada kadar harga tiket termurah bagi 3.1.10 (a), (b) dan (c);
- (e) Bagi kursus kurang dari tiga (3) tahun akademik, tambang perjalanan pergi/balik bagi **KESEMUANYA** iaitu pegawai, suami/isteri dan anak-anak bagi pegawai di dalam tanggagaji Superscale 'C' keatas adalah tidak melebihi jumlah harga tiket Kelas Perdagangan;
- (f) Seperti (e) dan bagi pegawai lain, tambang perjalanan tidak melebihi kadar Kelas Ekonomi Penuh (Full Fare);
- (g) Anak-anak pegawai yang sudah diberikan kemudahan di bawah 3.1.10(c) semasa mereka masih berumur 18 tahun ke bawah akan terus diberikan kemudahan berkenaan walaupun melimpasi umur 18 tahun bagi tujuan tambang balik ke tanah air;
- (h) Kemudahan tambang perjalanan bagi isteri/suami dan anak-anak tidak lagi diberikan mulai dari tarikh tempoh kursus pegawai yang asal dilanjutkan oleh sebab-sebab tertentu. ↵



3.1.11 Elaun Persinggahan

Bayaran penginapan pegawai sahaja bagi persinggahan yang di luar dugaan disebabkan perkara-perkara yang berpatutan di dalam perjalanan pergi/balik:

- (a) B\$200.00 maksima bagi pegawai Bahagian I ke atas.
- (b) B\$150.00 maksima bagi pegawai lain.

3.1.12 Perbezaan Kemudahan

Pegawai-pegawai yang menerima biasiswa latihan daripada sebuah pertubuhan yang dibenarkan oleh Kerajaan akan menerima gaji penuh dan bonus seperti di para 3.1.1 di sepanjang tempoh berkursus yang dibenarkan. Mereka juga akan dibayar perbezaan elaun di mana elaun yang diberikan di bawah biasiswa pertubuhan berkenaan adalah rendah dari elaun yang diberikan Kerajaan di bawah LDP.

Mereka akan dibayar mana-mana kemudahan di bawah LDPSL yang tidak termasuk di dalam biasiswa pertubuhan berkenaan.

3.1.13 Penghantaran Balik Barang-Barang Peribadi Setelah Tamat Kursus

- (a) Bayaran penghantaran melalui kapal udara di bawah 'accompanied excess baggage' pada kadar 20 kilogram. Bagi bayaran 'accompanied excess baggage' ini termasuk bayaran tambahan yang disebabkan oleh persinggahan di luar kemahuan pegawai.
- (b) (i) Bagi pegawai yang berkursus 3 tahun atau lebih, bayaran penghantaran melalui kapal laut pada kadar 5.2 meter padu dan pembelian peti-peti tidak melebihi ukuran berkenaan dengan perkhidmatan 'door to port', dan pada kadar 2.6 meter padu bagi pegawai yang berkursus urang dari 3 tahun dan pembelian peti-peti tidak



melebihi ukuran berkenaan dengan perkhidmatan 'door to port'.

ATAU

- (ii) Bayaran penghantaran melalui kapal udara bagi pegawai yang berkursus 3 tahun atau lebih di bawah 'unaccompanied excess baggage' pada kadar 80 kilogram dan bagi kursus kurang dari 3 tahun pada kadar 40 kilogram.

3.1.14 Pegawai-pegawai yang gagal menamatkan pengajian mereka mengikut tempoh asal yang dibenarkan atau tempoh lanjutan yang masih bersesuaian dipertimbangkan dan jika dibenarkan untuk meneruskan latihan mereka maka Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh akan diubah kepada Skim Cuti Belajar. Jenis-jenis kemudahan yang akan dihulurkan dalam Skim Cuti Belajar ini adalah seperti dibawah tajuk-tajuk (a) sehingga (h) berikut :

(a) Gaji

Gaji penuh di sepanjang tempoh menjalani kursus.

(b) Elaun Tempat Tinggal

Elaun Tempat Tinggal diberikan mengikut yang terkandung di para 3.1.3.

(c) Elaun Pakaian

Elaun Pakaian diberikan mengikut yang terkandung di para 3.1.6.

(d) Perbelanjaan Akademik

Kerajaan akan membayar tuntutan yuran kursus sahaja.

(e) Perbelanjaan Rawatan Perubatan

Perbelanjaan Rawatan Perubatan diberikan mengikut yang terkandung di para 3.1.9.



(f) Tambang Pelayaran

Tambang Pelayaran mengikut para 3.1.10 (a) hingga (h).

(g) Elaun Persinggahan

Bayaran penginapan pegawai sahaja bagi persinggahan yang di luar dugaan disebabkan perkara-perkara yang berpatutan di dalam perjalanan pergi/balik:

(i) B\$150.00 maksima bagi pegawai Bahagian I ke atas.

(ii) B\$120.00 maksima bagi pegawai lain.

(h) Penghantaran Balik Barang-Barang Peribadi Setelah Tamat Kursus

Taraf Kelamin	Jenis Kenderaan		
	Kapal Laut	Kapal Terbang	
		<i>Unaccompanied Excess Baggage</i>	<i>Accompanied Excess Baggage</i>
Pegawai bujang atau pegawai sudah berkahwin tetapi tidak ditemani isteri/anak	1.3 meter padu	20 kilogram	10 kilogram
Pegawai sudah berkahwin dan ditemani oleh isteri/anak	2.6 meter padu	40 kilogram	20 kilogram

4.0 PERATURAN-PERATURAN LAIN

4.1 Meninggalkan Negeri Tempat Berkursus

- (a) Meninggalkan negeri tempat belajar semasa sesi kursus berjalan perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dengan pengesahan rasmi pusat pengajian di mana pegawai menjalani kursus. ↵



- (b) Meninggalkan negeri tempat belajar semasa cuti pengajian, kebenaran tidak perlu diperolehi daripada mana-mana pihak tetapi memadai dengan memberikan makluman kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

4.2 Percutian Meninggalkan Tempat Berkursus

Elaun sara hidup dan tempat tinggal dibayar seperti biasa di sepanjang cuti pengajian untuk ditadbir sendiri sekalipun melibatkan percutian meninggalkan tempat belajar untuk kembali ke tanah air atau ke negara-negara lain.

5.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI

Perkara ini tidak tertakluk di bawah Surat Keliling ini dalam mana skim-skim dibawahnya - Cuti Belajar, Cuti Tidak Bergaji dan Separuh Masa bagi di dalam negeri - adalah berjalan seperti yang ada di bawah syarat-syarat dan peraturan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 27/1988.

6.0 PERLAKSANAAN

6.1 Pegawai-pegawai yang sedang menjalani kursus di seberang laut menerusi kebenaran di bawah peraturan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/1991 diselaraskan untuk mengikut peraturan-peraturan seperti berikut:-


- a) **Pegawai Di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.**

Mengikut Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh menurut Surat Keliling ini.

- b) **Pegawai Di bawah Skim Cuti Belajar.**

Ditukar menjadi Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh dan kemudahannya adalah menurut Surat Keliling ini.

- c) **Pegawai Di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh Yang Diubah Kepada Skim Cuti Belajar.** ٤



Terus mengikuti Skim Cuti Belajar yang mana kemudahan-kemudahannya adalah seperti yang disebutkan di para 3.1.14 dalam Surat Keliling ini.

(d) Pegawai Di bawah Skim Cuti Tidak Bergaji.

Terus mengikuti Skim Cuti Tidak Bergaji dengan kemudahan-kemudahan yang sama seperti yang sudah diberikan kepadanya dibawah kebenaran yang lama. Skim ini tidak menjadi sebahagian dari Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) dibawah Surat Keliling ini dan akan ditiadakan sebaik sahaja kesemua pegawai-pegawai yang menerimanya menamatkan tempoh kebenaran mereka.

6.2 Pengecualian

Seperti juga di bawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 2/1991 bertarikh 3 Januari 1991 yang diganti oleh Surat Keliling ini, Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi Pegawai-Pegawai Pasukan Polis Di-Raja Brunei dan Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei adalah dikecualikan.

6.3 Pihak Meneliti Dan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan

Bagi menjalankan tanggungjawab ini sebuah badan, **Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan**, telah ditubuhkan bagi menggantikan Jawatankuasa Meneliti Dan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan.

6.4 Permohonan Dan Sokongan Kementerian/Jabatan

Kementerian/Jabatan untuk menghadapi permohonan dan sokongan bagi Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan LDP Dalam Negeri seperti yang berjalan pada masa ini kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri. §



6.5 Sekretariat Badan Mempertimbangkan LDP

Sebuah sekretariat ditubuhkan secara langsung di bawah Badan Mempertimbangkan LDP di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan bidang tugas khusus seperti berikut:

- (a) Mengurus mesyuarat Badan;
- (b) Mewujudkan jaringan luar Negara bagi penempatan kursus/latihan;
- (c) Memantau secara langsung kemajuan pegawai di bawah LDP; dan
- (d) Mewujudkan infrastruktur ujian/temuduga bagi calon LDP.

Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 1hb. Mei 2006 dan dengan ini surat-surat keliling Jabatan Perdana Menteri bilang 2/1991 dan 13/2004 adalah dibatalkan.

(PENGIRAN DATO PADUKA HAJI ABD HAMID BIN PENGIRAN HAJI MOHD YASSIN)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh: 01 Rabiulakhir 1427
29 April 2006

LAMPIRAN I

KRITERIA-KRITERIA AM PEGAWAI TERBAIK SEBAGAI PANDUAN SAHAJA

Kriteria pegawai terbaik perlu diberikan butiran untuk membantu Kementerian Jabatan membuat sokongan. Di mana kriteria-kriteria tidak dapat dipenuhi sepenuhnya, pertimbangan boleh dibuat kepada pegawai-pegawai yang hampir terbaik.

Di antara kriteria-kriteria pegawai terbaik:

1. Mempunyai kelulusan dengan pangkat tinggi yang mencerminkan potensi tinggi kebolehan untuk mengikuti dengan jaya kursus/latihan di tahap lebih tinggi dan mudah untuk diterima oleh institusi 'par excellence'.
2. Mempunyai prestasi yang menunjukkan:
 - a). Pemahaman tinggi dan mendalam mengenai kerja dan bidang tugas.
 - b). Kebolehan dan kemahuan mengadaptasi kepada keperluan dan situasi kerja yang 'demanding'.
 - c). Potensi tinggi didalam kebolehan mengetuai kumpulan kerja berhasil.
 - d). Disiplin dan etika kerja yang konsisten.
 - e). Kebolehan tinggi berkomunikasi.
 - f). Kebolehan inovasi dan usaha proaktif.
3. Matang dan dapat menghayati sepenuhnya visi dan misi Negara serta peranan Kementerian/Jabatan didalam mencapai matlamat Negara.
4. Mempunyai sikap dan pendekatan progresif.
5. Mempunyai rekod perkhidmatan bersih dari rasuah, tindakan tatatertib dan jenayah.

Σ

PANDUAN SAHAJA

**RANKING
UNIVERSITI TERKEMUKA
DI
UNITED KINGDOM,
AUSTRALIA,
CANADA,
AMERIKA SYARIKAT,
DAN
DUNIA
2005/2006**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA
1.	<i>Ranking keseluruhan dan mengikuti disiplin bagi 20 Universiti terkemuka di United Kingdom (UK) (Sumber dari: Guardian Unlimited 2005)</i>
2.	<i>Ranking keseluruhan dan mengikuti disiplin bagi 20 Universiti terkemuka di United Kingdom (UK) (Sumber dari: The Times Higher Education Supplement 2005)</i>
3.	<i>Ranking keseluruhan bagi 8 Universiti terkemuka di Australia (Sumber dari: 2005 Melbourne Institute International Standing of Australian Universities)</i>
4.	<i>Ranking keseluruhan bagi 5 Universiti terkemuka di Canada (Sumber dari: Maclean's 2005)</i>
5.	<i>Ranking keseluruhan dan mengikuti disiplin bagi 25 Universiti terkemuka di Amerika Syarikat (USA) (Sumber dari: U.S. News America's Best Colleges 2006)</i>
6.	<i>Ranking keseluruhan bagi 100 Universiti terkemuka di dunia bagi tahun 2006</i>

3

PENERANGAN

Universiti *ranking* disusun untuk digunakan sebagai panduan bagi pemilihan tempat pengajian bagi pegawai dan kakitangan yang akan mengikuti program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) luar negara. Ianya perlu dikemaskinikan pada setiap tahun dan apabila maklumat terkini diterima. Bilangan universiti yang dipilih untuk *ranking* ini dibuat berdasarkan kepada jumlah bilangan Universiti di sesebuah negara yang termasuk dalam senarai *world ranking* dan *national ranking*. Sebagai contoh, sebilangan besar universiti yang terkemuka di dunia adalah dari Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, *top universities* di Amerika Syarikat diambil hingga *top 25* dan bagi United Kingdom diambil hingga *top 20*. Manakalai bagi Canada dan Australia terdapat hanya sebilangan kecil sahaja Universiti dan negara-negara berkenaan termasuk dalam senarai *world ranking* dan dari itu dipilih Universiti *Top 8* bagi Australia dan *Top 5* untuk bagi Canada. Ada di antara universiti yang di ketahui bertaraf tinggi, tetapi tidak termasuk di dalam 'ranking' ini kerana universiti berkenaan tidak ikut serta di dalam 'ranking' ini.

Σ.

RANKING KESELURUHAN DAN MENGIKUTI DISIPLIN BAGI 20 UNIVERSITI TERKEMUKA DI UNITED KINGDOM (Sumber dari: *GUARDIAN UNLIMITED 2005*)

Ranking universiti mengikut disiplin dibuat berpandukan kepada faktor-faktor berikut:-

- Kualiti pengajaran;
- Kualiti kelayakan akademik pelajar untuk diterima masuk ke universiti
- Kos perbelanjaan bagi seorang pelajar;
- Nisbah pelajar dan pengajar;
- Nilai tambah (value address) dari segi pencapaian pelajar selepas 'A' level hingga berjaya menamatkan kursus;
- Kadar graduan mendapatkan pekerjaan dalam tempoh masa yang ditetapkan
- Pengambilan pelajar secara inclusive iaitu mengambilkira bangsa, kecacatan dan pelajar dewasa.

Overall ranking dikira secara purata 'scores' yang diperolehi dari faktor-faktor yang disebutkan bagi semua disiplin. Institusi yang kurang dari 5 disiplin atau mata pelajaran tidak termasuk dalam *overall ranking*.

Ranking keseluruhan bagi 20 Universiti terkemuka di United Kingdom

1. University of Oxford
2. University of Cambridge
3. Imperial College London
4. School of Oriental & African Studies
5. London School of Economics
6. King's College London
7. University College London
8. University of York
9. University of Warwick
10. University of Edinburgh
11. St. Andrews
12. Queen Mary, London
13. Bath University
14. Manchester University
15. University of Nottingham
16. Sussex University
17. Aston University
18. Surrey University
19. Bristol University
20. Cardiff University

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: GUARDIAN UNLIMITED 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Chemical Engineering	University of Cambridge University College London University of Aston Imperial College London University of Edinburgh University of Manchester University of Queen's Belfast University of Birmingham University of Surrey University of Teesside University of Newcastle University of Heriot-Watt University of Loughborough University of South Bank University of Bath University of Sheffield University of Wales, Swansea University of Leeds University of Nottingham University of Strathclyde
Civil Engineering	Imperial College London University of Sheffield University of Southampton University College London University of Edinburgh City University University of Nottingham University of Paisley University of Bradford University of Bristol University of Surrey University of Birmingham University of Dundee University of Heriot-Watt University of Glasgow University of Queen's Belfast University of Liverpool University of Manchester University of Sheffield Hallam University of Leeds

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: GUARDIAN UNLIMITED 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
<p>Electric & Electrical Engineering</p>	<p>Imperial College University of Sussex King's College London University of Southampton University of Bristol University College London University of York University of Edinburgh University of Dundee University of Newcastle University of Leeds University of Sheffield University of Surrey University of Manchester University of Queen's Belfast University of Queen Mary, London University of Aston University of Nottingham University of Glasgow University of Central England</p>
<p>General Engineering</p>	<p>University of Cambridge University of Oxford Brunel University University of Hull University of Bradford University of Durham University of Warwick University of Exeter University of Central England Southampton Institute Buckinghamshire Chilterns University College University of Leicester University of Queen Mary, London University of Nottingham University of Aberdeen University of Loughborough University of Manchester University of Napier University College Northampton University of Bournemouth</p>

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: GUARDIAN UNLIMITED 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
<p>Materials Engineering</p>	<p>University of Liverpool University of Oxford Imperial College of London University College of Northampton Sheffield University University of Nottingham University of Bath Manchester University University of Leeds University of Exeter Loughborough University University of Birmingham Queen Mary London Sheffield Hallam University Manchester Metropolitan University De Monfort University University of Arts Buckinghamshire Chilterns University College</p>
<p>Mechanical Engineering</p>	<p>Imperial College of London Bristol University Cardiff University University of Bath Sussex University King's College of London Southampton University Sheffield University Loughborough University University of Surrey Brunel University University of Edinburgh University of Nottingham City University Aston University Buckinghamshire Chilterns University College University of Glasgow University of Birmingham Liverpool University University College London</p>

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: GUARDIAN UNLIMITED 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
<p>Business & Management Studies</p>	<p>Oxford University St Andrews University University of Bath Imperial College of London London School of Economics University of Bradford Warwick University Cardiff University Manchester University City University King's College of London Aston University University of Queen's Belfast University of Durham Reading University Bristol University University of Nottingham Loughborough University University of Birmingham Southampton University</p>
<p>Education</p>	<p>King's College of London Cambridge University Warwick University Brunel University University of Wales Institute Cardiff Nothumbria University of Newcastle University of Exeter Manchester University Hertfordshire University Institute of Education University of York Reading University Edinburgh University St Mary College University of Bath Kingston University University of Newcastle Goldsmiths College University of Stirling University of Glasgow</p>

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: GUARDIAN UNLIMITED 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Medicine	Imperial College of London University of Hull Oxford University University College London Manchester University University of Dundee Cambridge University Cardiff University King's College of London Queen Mary London University University of Nottingham University of Edinburgh University of Newcastle University of Aberdeen Leicester University University of Glasgow University of St Andrews Sheffield University University of Birmingham
Nursing	University of Edinburgh University of Kent St George's Hospital Medical School University of Wales Queen Mary London University Bradford University University of Birmingham University of East Anglia Brunel University University of Brighton Strathclyde University Queen's Belfast University University of Surrey Plymouth University University of Nottingham University of Aberdeen University of Cardiff King's College of London University of Derby Keele University

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: GUARDIAN UNLIMITED 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
<p>Pharmacy & Pharmacology</p>	<p>Manchester University Aston University Cardiff University University of College London School of Pharmacy University of Nottingham Strathclyde University King's College London University of Bath University of Hull Portsmouth University University of Newcastle University of Bristol De Monfort University Leeds University Bradford University University of Sunderland University of Glasgow University of Liverpool Kingston University</p>
<p>Geography</p>	<p>University of Cambridge University of Oxford London School of Economics University College of London University of East Anglia University of Nottingham St Andrews University University of Edinburgh University of Durham Trinity College Carmarthen Queen Mary London University Anglia Polytechnic University Kingston University Salford University King's College London Reading University University of Hull Hertfordshire University Bristol University Coventry University</p>

RANKING KESELURUHAN DAN MENGIKUTI DISIPLIN BAGI 20 UNIVERSITI TERKEMUKA DI UNITED KINGDOM

(Sumber dari: *TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2005*)

Ranking universiti mengikut disiplin dibuat berpandukan kepada faktor-faktor berikut:-

- Penilaian dari segi kualiti pengajaran;
- Penilaian dari segi penyelidikan;
- Kualiti 'A' Level pelajar untuk diterima masuk ke universiti;
- Kadar graduan yang mendapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Manakala, *ranking* keseluruhan dikira secara purata 'scores' bagi 4 faktor yang disebutkan diatas.

Ranking keseluruhan bagi 20 Universiti terkemuka di United Kingdom

1. University of Cambridge
2. University of Oxford
3. Imperial College London
4. London School of Economics
5. University College London
6. University of Warwick
7. University of York
8. University of Bristol
9. University of Durham
10. University of Bath
11. University of Nottingham
12. University of Edinburgh
13. King's College of London
14. University of St Andrews
15. Loughborough University
16. University of East Anglia
17. University of Southampton
18. University of Manchester
19. Cardiff University
20. University of Sussex

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: *GUARDIAN UNLIMITED 2005*)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Economics	Oxford University London School of Economics Cambridge University School of Oriental and African (SOAS) University College of London Warwick University Queen's Mary London University Bradford University University of Essex University of York University of Bath University of Birmingham University of Nottingham University of Royal Holloway Abertay Dundee University University of Stirling Bristol University Cardiff University City University Goldsmiths College
Law	Oxford University School of Oriental and African (SOAS) London School of Economics Manchester University Cambridge University King's College of London Cardiff University Abertay Dundee University Queen's Mary London University Bradford University University of Hull Warwick University City University University College of London University of Nottingham University of Birmingham Leicester University Bristol University Exeter University Brunel University

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: THE TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Law	Cambridge Oxford Durham University College London Manchester London School of Economics Nottingham King's College London Edinburgh Leeds Strathclyde Glasgow Aberdeen Warwick Queen's Belfast Bristol Kent School of Oriental and African (SOAS) Queen Mary Newcastle
Medicine	Oxford Cambridge Southampton Liverpool Manchester Glasgow Newcastle Edinburgh Dundee Imperial College Cardiff Aberdeen Leicester St George's Hospital Med School King's College London University College London Nottingham Queens, Belfast Bristol Birmingham Queen Mary

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: THE TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Business Studies	Oxford Warwick London School of Economics Bath St Andrews Nottingham Manchester Lancaster King's College London City Imperial College Aston Leeds Royal Holloway Cardiff Birmingham Surrey Loughborough Queens, Belfast Exeter
Economics	Cambridge Warwick University College London London School of Economics York Nottingham Bath Essex Oxford Southampton Durham Bristol St Lancaster Manchester Stirling Queens, Belfast Leicester Aberdeen Birmingham

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin
 (Sumber dari: THE TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
General Engineering	Cambridge Oxford Southampton Imperial Brunel Nottingham Warwick Strathclyde Leicester Lancaster Exeter Bradford Hertfordshire Wolverhampton Cardiff Liverpool John Moores Sheffield Hallam Liverpool Central Lancashire
Chemical Engineering	Cambridge Imperial College Manchester Loughborough Birmingham Swansea Newcastle Queens, Belfast University College London Bath Sheffield Nottingham Heriot-Watt Edinburgh Aston Strathclyde Surrey Leeds London South Bank Teesside

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin

(Sumber dari: THE TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Civil Engineering	Cardiff Bristol Queens, Belfast Nottingham Swansea Bath Imperial College Liverpool Manchester Loughborough Southampton Sheffield Surrey Dundee Kingston Plymouth Heriot-Watt Birmingham Glasgow Edinburgh
Electrical and Electronic Engineering	Southampton Imperial College Cambridge Bristol Queens, Belfast Sheffield Surrey York Edinburgh Loughborough University College London Hull Newcastle Essex Birmingham Manchester Strathclyde Leeds Nottingham Cardiff

Ranking bagi Universiti di UK mengikut Disiplin

(Sumber dari: THE TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2005)

DISIPLIN	UNIVERSITI
Mechanical Engineering	Imperial College Bath Bristol Liverpool Southampton Queens, Belfast Nottingham Cardiff Sheffield Loughborough Strathclyde Leeds Newcastle Surrey Bradford Aberdeen Heriot-Watt Manchester Birmingham Sussex
Education	Oxford Cambridge Staffordshire Bristol Aberdeen East Anglia Warwick Exeter Lancaster Newcastle Cardiff Manchester Stirling Sheffield Sussex Bath King's College London Dundee Canterbury Christ Church University College Edinburgh